

Zon Bersih tingkat imej bandar raya

JOHOR BAHRU – Beberapa kawasan di Johor Bahru diisytiharkan sebagai Zon Bersih iaitu kawasan bebas sampah dalam meningkatkan imejnya sebagai bandar raya antarabangsa, berbudaya dan lestari.

Datuk Bandar MBBJ, A Rahim Nin berkata, menjadi saranan kerajaan negeri untuk menjadikan seluruh negeri ini khususnya di kawasan bandar raya mempunyai tahap kebersihan yang setara dengan negara maju.

"MBJB memilih kawasan bermula di hadapan ibu pejabat MBBJ iaitu Jalan Ibrahim menuju Jalan Wong Ah Fook, Jalan Gereja hingga persimpangan Jalan Trus sebagai Zon Bersih.

"Bagi merealisasikan matlamat ini langkah-langkah penguatkuasaan dan pendidikan akan dijalankan sehingga hasrat menjadikan kawasan tersebut sebagai Zon Bersih dapat dicapai dan terus dikekalkan sehingga menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang awam untuk tidak membuang sampah," katanya.

Sebelum ini Jalan Stulang diletakkan sebagai zon sifar sampah sejak Januari lalu.

Antara kriteria ditetapkan dalam zon



A RAHIM

bersih ini ialah mempunyai gabungan perumahan, komersil, rekreasi, jalan protokol dan landskap serta dilengkapi kemudahan tong sampah, tanda dan papan tanda.

Ia meliputi kawasan seluas 500 meter radius yang menekankan aspek kebersihan termasuk zon bebas rokok, zon bebas denggi, zon sifar sampah dan zon bebas polistirena.

Dalam perkembangan lain, MBBJ melaksanakan operasi kebersihan premis makanan di kawasan Sungai Segget yang dikenal pasti antara punca kejadian banjir kilat akibat masalah sampah.

"Sejumlah 14 premis diperiksa dan digredkan dan sejumlah 11 premis dikenakan tindakan kompaun dibawah peruntukan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MBBJ 2010 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran MBBJ 1982 Pindaan 2004.

"Hasil operasi, empat premis makanan tidak menjaga kebersihan menyebabkan longkang tersumbat atau ditutup, tidak diselenggarakan dan terdapat sisa makanan dan air cucian dibuang ke tempat tidak sepatutnya," katanya.

A Rahim turut memberi amaran kepada peniaga supaya tidak memandangkan soal menjaga kebersihan ini.